



KENYATAAN SEBUTHARGA

SEBUTHARGA NO: SATU.STU.SH.06/2018

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat Kawalan Keselamatan yang berpengalaman dan berdaftar dengan **Kementerian Dalam Negeri (KDN)** dan juga **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang **Kawalan Keselamatan (220801)** yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk mengisi tender berikut :-

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA) DI DEPO, STOR DAN RUMAH PAM PENGGALAK TAMAN HIJRAH UNTUK SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN BHD DAERAH SETIU BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN

2. Hanya penama yang tercatat di dalam Sijl Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) sahaja dibenarkan menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak yang akan diadakan sebagaimana berikut :-

Tarikh / Hari / Masa : 11.11.2018 / Ahad / 10:30 pagi
Tempat : Dewan Buluh Perindu JKR Setiu
Kehadiran : WAJIB

3. Borang sebutharga boleh didapati di **Pejabat Ketua Teknikal Daerah, Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. Daerah Setiu, Terengganu** dari 12.11.2018 hingga 15.11.2018 semasa waktu pejabat.
4. Penyebutharga yang ingin menyertai sebutharga di atas atau wakilnya yang diberi kuasa hendaklah membawa surat Pendaftaran Asal dan menyediakan satu (1) salinan sijil **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan **Kementerian Dalam Negeri (KDN)** serta menyediakan **bayaran tunai** sebanyak **RM20.00**.
5. Borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan bilangan sebutharga **SATU.STU.SH.06/2018** beserta tajuk dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Pejabat Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. Daerah Setiu, Terengganu** tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada 19.11.2018.
6. Syarikat berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak lengkap.
7. Syarikat adalah tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah sekali atau mana-mana sebutharga sekali pun.
8. Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan akan terbatal dan tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

"TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA"
"BERKHIMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(EN. KHAIRIL AZIZI BIN NODIN)
Ketua Teknikal Daerah
Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.
Daerah Setiu